

Merdeka 118 julang Malaysia

U.M - 1/12/2021 mlk: 3

Oleh **OMAR ZIN**

utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Penyempurnaan pemasangan puncak menara Merdeka 118 di ibu negara semalam adalah pencapaian hebat bidang kejuruteraan selain mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai negara moden dan maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui bangga kerana puncak menara kedua tertinggi di dunia itu dapat disempurnakan walaupun negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

“Merdeka 118 menjadi menara pertama di Malaysia mencapai tiga penarafan platinum hijau dalam pensijilan kelestarian antarabangsa serta pensijilan WELL berprestij.

“Ini menjadikan Merdeka 118 sebagai penanda aras industri di Malaysia sebagai menara ikonik untuk masa depan,” kata beliau ketika merasmikan majlis pemasangan puncak menara Merdeka 118 di sini semalam.

Menurut beliau, pembinaan Merdeka 118 juga bakal memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia kerana akan menjadi pemangkin baharu ekonomi Kuala Lumpur, sekali gus melengkap kawasan-kawasan



ISMAIL Sabri Yaakob menyempurnakan gimik pemasangan puncak Menara Merdeka 118 dengan diiringi Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tun Ariffin Zakaria (kiri) serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn (kanan) di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

lain yang rancak membangun seperti KLCC dan KL Sentral.

Menurut beliau, Merdeka 118 akan membawa semangat Keluarga Malaysia kerana selain memberi peluang komuniti setempat membangunkan

perniagaan, program atau aktiviti juga boleh diadakan bagi menambahkan daya tarikan di kawasan sekitar Merdeka 118 menerusi Program Geran Komuniti Merdeka 118.

“Permohonan Geran Merde-

ka 118 ini sudahpun dibuka pada 28 Jun sehingga 20 Ogos 2021, di mana sebelum ini Keluarga Malaysia memohon untuk mendapatkan tiga jenis geran iaitu sukan, seni dan komuniti perniagaan,” kata beliau.